


UNIT
6

BUNYI


NOTA RINGKAS

Getaran dan Bunyi

- 1 Getaran menghasilkan bunyi.
- 2 Cara menghasilkan bunyi adalah menerusi:
 - (a) Petikan
 - (b) Tepukan
 - (c) Ketukan
 - (d) Gesekan
 - (e) Tiupan
- 3 Bunyi bergerak ke semua arah dan dapat melalui pepejal, cecair dan gas.



- 4 Bunyi boleh dipantulkan apabila terkena permukaan keras.



Fenomena Pantulan Bunyi

- 1 Gema - Bunyi yang dihasilkan apabila bunyi dipantulkan pada permukaan keras.
- 2 Ultrasonik - Bunyi yang dapat didengari oleh haiwan seperti ikan lumba-lumba untuk pandu arah dan mengesan lokasi mangsa.
- 3 Sonar - Sejenis teknologi yang digunakan untuk mengesan objek dalam air.
- 4 Radar - Sejenis teknologi yang menggunakan pantulan bunyi untuk mengesan objek di udara.

Bunyi yang Berfaedah dan Memudaratkan

Kebaikan bunyi	Keburukan bunyi
<ol style="list-style-type: none"> 1 Manusia dapat berkomunikasi dengan satu sama lain 2 Muzik yang dihasilkan oleh alat muzik dan nyanyian boleh menghiburkan diri 3 Bunyi siren dan loceng kebakaran dapat memberikan isyarat kecemasan 4 Fenomena pantulan bunyi dapat memberikan pelbagai maklumat kepada manusia 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Bunyi bising menyukarkan komunikasi 2 Bunyi bising kenderaan dan kapal terbang boleh mengganggu ketenangan dan membawa kepada tekanan emosi 3 Bunyi bising yang terlampau kuat atau kerap didengari menyebabkan masalah pendengaran

Cara Mengurangkan Pencemaran Bunyi

- 1 Menggunakan pelindung telinga ketika bertugas di landasan kapal terbang.
- 2 Menggunakan penyerap bunyi seperti permadani, langsir dan tingkap.
- 3 Menanam pokok.